

Kempen Kesedaran Bahasa dari Dahulu dan Kini



TUNKU Abdul Rahman Putra Al-Haj melancarkan Minggu Bahasa kebangsaan pada 1960.

1. Minggu Bahasa Kebangsaan

GERAKAN untuk menimbulkan kesedaran dan kecintaan terhadap bahasa kebangsaan di kalangan rakyat dilancarkan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 30 Januari 1960 dan berakhir pada 6 Februari 1960.

Gerakan yang dipelopori oleh Tun Syed Nasir Ismail ini diadakan di setiap negeri Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1961, gerakan ini diangkat menjadi gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan.



DATO' Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri melancarkan 'Gerakan Cintailah Bahasa Kita' pada 1987.

3. Gerakan Cintailah Bahasa Kita

PROGRAM Gerakan Cintailah Bahasa Kita (GCBK) yang dilancarkan pada 11 Disember 1987 oleh Perdana Menteri Malaysia bertujuan untuk membina kesedaran dan mewujudkan budaya berbahasa kebangsaan di kalangan masyarakat pengguna bahasa di Malaysia.



DATO' Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Timbalan Perdana Menteri melancarkan Bulan Bahasa dan Sastera Negara pada 1999.

5. Bulan Bahasa dan Sastera Negara

BULAN September diisytiharkan sebagai Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN), iaitu bulan untuk semua lapisan rakyat Malaysia mengadakan dan melibatkan diri dalam kegiatan bahasa dan sastera. BBSN yang telah dilancarkan pada 2 September 1999 oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, akan menjadi program tahunan negara. Moto 'Bahasa Melayu Asas Tamadun Bangsa' adalah bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk terus memupuk perpaduan bangsa demi kelangsungan kemajuan negara.



MAJLIS pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan pada 1961.

2. Bulan Bahasa Kebangsaan

PADA tahun 1961, sekali lagi DBP menerima tugas daripada Kementerian Pelajaran untuk menangani gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan yang dilancarkan pada 28 Januari 1961. Bulan Bahasa Kebangsaan diadakan selama enam tahun, iaitu dari tahun 1961 hingga 1966.



DATO' Seri Najib Tun Razak selaku Menteri Pendidikan melancarkan Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta pada 1996.

4. Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta

PROGRAM Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta (GBKSS) merupakan program pengembangan bahasa kebangsaan yang menyeluruh dan berkesan di sektor swasta. Program yang dilancarkan pada 19 Ogos 1996 oleh Menteri Pendidikan Malaysia ini memberikan tumpuan kepada sektor swasta yang melaksanakan urusan ekonomi dan perdagangan secara langsung dengan rakyat Malaysia.



MAJLIS pelepasan konvoi Kembara Bahasa Laluan Tengah di Menara DBP.

6. Kembara Bahasa

KEMBARA Bahasa merupakan pergerakan simbolik kereta berkonvoi secara serentak melalui empat laluan, iaitu utara, selatan, timur dan tengah menuju satu destinasi. Program berkonsepkan 'turun padang' ini bertujuan untuk menilai sejauh mana penguasaan bahasa kebangsaan melalui aktiviti yang berbentuk ceramah, forum dan pertandingan.

Program yang dilancarkan pada tahun 2000 diharapkan dapat membentuk rangkaian penggerak misi megah bahasa, sastera dan budaya di kalangan peserta di seluruh negara.